

26 JAN 2002

Mahathir-Sukan Bermotor/I

K'JAAN SOKONG USAHA JADIKAN MALAYSIA SYURGA SUKAN BERMOTOR

LANGKAWI, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan menyokong sepenuhnya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai syurga sukan bermotor, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penganjuran pertandingan akhir "Rotax Max World" di sini merupakan langkah yang betul ke arah itu, kata Perdana Menteri dalam perutusan beliau dalam buku cenderahati yang dikeluarkan sempena kejohanan itu di sini.

Dr Mahathir berkata, "Kita berharap untuk melihat Malaysia pada satu hari kelak menjadi negara pertama menjadi pilihan oleh pemilih bakat sukan antarabangsa untuk datang dan mencari bakat baru bagi semua acara sukan bermotor perdana dunia."

Malaysia sudahpun terkenal di dunia bagi penganjuran peringkat pertama kejohanan Formula One, katanya.

Kepada peserta luar negara, Dr Mahathir berkata Langkawi merupakan tempat yang sempurna untuk menikmati bukan sahaja karnival karting selama seminggu tetapi juga untuk percutian.

"Langkawi merupakan satu daripada syurga pulau tropika pilihan yang dirahmati dengan keindahan semulajadi dan kaya dengan legenda, budaya dan tradisi Malaysia."

Beliau berkata sukan go-kart juga dapat menanamkan nilai-nilai ikatan kekeluargaan kerana pasukan go-kart biasanya terdiri daripada anggota keluarga.

"Oleh itu adalah menjadi wawasan kita untuk melihat lebih ramai penduduk kita terlibat dalam sukan bermotor bukan sahaja bagi teknologi dan nilai kekeluargaan tetapi juga untuk memnina sekumpulan pemandu berbakat Malaysia dalam arena ini," kata Dr Mahathir.

Sebanyak 75 pelumba dari 31 negara akan bersaing dalam perlumbaan kelayakan hari ini. Mereka yang menduduki tangga 40 teratas layak ke pertandingan akhir cabaran itu esok di Litar Morac di sini dan akan dilepaskan oleh Dr Mahathir.

Acara itu anjuran bersama Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Kelab Sukan Bermotor Langkawi (LMC).

-- BERNAMA

NH MZM AAM RHM